

APPENDIX 1

TERMA DAN SYARAT TIKET ETS, KTM INTERCITY DAN SHUTTLE TEBRAU

1. Pengenalan

- 1.1. Sila baca **Terma dan Syarat** ini bersama-sama **Syarat-syarat Untuk Pengangkutan Penumpang KTMB** sebelum membuat pembelian tiket.
- 1.2. Pembelian apa-apa tiket, bermakna anda menerima Terma dan Syarat ini serta Syarat-syarat Untuk Pengangkutan Penumpang KTMB atau menerima bagi pihak mana-mana orang yang anda membuat pembelian tiket tersebut.
- 1.3. Saluran pembelian tiket:
 - i. Laman sesawang rasmi KTMB, www.ktmb.com.my
 - ii. Aplikasi KTMB Mobile atau KITS Style
 - iii. Kiosk tiket KTMB - *ticket vending machine*
 - iv. Kaunter tiket KTMB (tertakluk waktu operasi kaunter tiket)
- 1.4. Pelanggan perlu mendaftar *KITS Ticketing* laman sesawang rasmi KTMB, aplikasi *KTMB Mobile* atau KITS Style untuk pembelian dalam talian.
- 1.5. Sila hubungi Unit Khidmat Pelanggan di talian 603-97791200 atau e-mel ke callcenter@ktmb.com.my atau rujuk kaunter tiket KTMB untuk maklumat lanjut berkaitan pendaftaran KITS.

2. Tiket

- 2.1 Had masa minima pembelian tiket sebelum waktu tren berlepas (tertakluk pindaan tanpa notis awal).
 - i. Laman sesawang KTMB, www.ktmb.com.my
 - 15 minit
 - ii. Aplikasi KTMB Mobile atau KITS Style
 - 15 minit
 - iii. Kiosk tiket KTMB (*Ticket Vending Machine – TVM*)
 - 15 minit
 - iv. Kaunter tiket KTMB
 - 10 minit
- 2.2 Mod bayaran tertakluk kepada KTMB.
- 2.3 KTMB tidak menanggung liabiliti jika pelanggan tidak dapat membeli tiket sebelum tren berlepas disebabkan gangguan teknikal, kegagalan sistem, penutupan operasi kaunter tiket atau apa-apa sebab yang lain.
- 2.4 Pembelian awal untuk tren dan koc tertentu adalah tertakluk kepada jarak minima, rujuk **Lampiran 1: Perjalanan Minima**
- 2.5 Tambang fleksi untuk perkhidmatan ETS tertakluk kepada:
 - i. Stesen origin dan destinasi
 - ii. Tempoh perjalanan
 - iii. Hari perjalanan
 - iv. Waktu tren berlepas
 - v. Jenis perkhidmatan
 - vi. Laluan tren
 - vii. Tempoh pembelian
 - viii. Medium pembelian
 - ix. Lain-lain kriteria, tanpa notis awal
- 2.6 Pelanggan mesti memastikan maklumat penumpang seperti nama, nombor IC/passport, nombor telefon bimbit, jenis tiket dan butiran perjalanan adalah betul semasa pembelian tiket.
- 2.7 Pelanggan yang membeli tiket melalui laman sesawang KTMB, aplikasi KTMB Mobile atau KITS Style mesti mengemukakan tiket bercetak atau tiket digital untuk pemeriksaan.
- 2.8 Pelanggan yang membeli tiket melalui kiosks tiket (TVM) atau di kaunter tiket KTMB mesti mengemukakan tiket yang dicetak untuk pemeriksaan.
- 2.9 Tiket yang koyak atau rosak atau tidak mempunyai maklumat atau butiran lengkap tidak sah digunakan untuk perjalanan atau memohon bayaran balik tambang.
- 2.10 Penumpang Shuttle Tebrau mesti menyimpan tiket atau resit bayaran untuk tujuan pemeriksaan.
- 2.11 Pelanggan perlu segera menghubungi Unit Khidmat Pelanggan di 603-97791200 atau e-mel ke callcenter@ktmb.com.my jika pembelian tiket melalui laman sesawang KTMB atau aplikasi KTMB Mobile atau KITS Style atau kiosk tiket KTMB tidak berjaya tetapi bayaran telah berjaya dibuat.
- 2.12 Pelanggan boleh menyemak tambang tiket melalui laman sesawang KTMB, aplikasi KTMB Mobile atau KITS Style, kaunter tiket KTMB atau Unit Khidmat Pelanggan melalui e-mel callcenter@ktmb.com.my.
- 2.13 KTMB tidak bertanggungjawab untuk mana-mana tiket yang dibeli oleh penumpang daripada mana-mana individu, agensi, portal, laman sesawang atau aplikasi yang menjual tiket tanpa kebenaran KTMB.

3. Jenis Tiket

- 3.1 Dewasa
 - Berumur 13 tahun dan ke atas, pada tarikh perjalanan
- 3.2 Kanak-kanak
 - Berumur 4 tahun dan ke atas dan kurang dari 13 tahun pada tarikh perjalanan

3.3 Koneksi

3.3.1 Terma dan syarat

- i. Tiket koneksi untuk warganegara Malaysia sahaja.
- ii. Tiket koneksi sah untuk jenis kelas atau koc yang ditetapkan, rujuk **Lampiran 2: Tiket Koneksi**.
- iii. Tempoh sah pendaftaran:
 - a) Tiga tahun bagi wargamas, orang kurang upaya dan pesara kerajaan
 - b) Satu tahun untuk lain-lain koneksi.
- iv. Pendaftaran semula koneksi perlu dibuat selepas tarikh tamat tempoh.
- v. Pendaftaran koneksi pelajar untuk perkhidmatan ETS dan Antarabandar:
 - a) Institusi Pendidikan di Malaysia sahaja.
 - b) Yuran pendaftaran RM33.00, tertakluk kepada pindaan tanpa notis awal dan tidak dipulangkan walau dengan apa juga sebab.
 - c) Pendaftaran tidak dibenarkan jika tempoh belajar kurang 6 bulan.
 - d) Tempoh koneksi adalah satu tahun dari tarikh pendaftaran diluluskan.
 - e) Pembelian tiket koneksi dibenarkan dalam tempoh 90 hari dari tarikh perjalanan.
 - f) Layak koneksi untuk perkhidmatan Komuter, tertakluk terma dan syarat.

3.3.2 Jenis Koneksi dan dokumen yang perlu untuk pendaftaran:

- i. Warga emas (60 tahun dan ke atas)
 - Mykad
- ii. Pesara kerajaan (berpencen) dan isteri
 - Kad pesara dari Jabatan Perkhidmatan Awam atau Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM
 - Mykad
- iii. Pesara KTMB dan isteri
 - Kad pesara KTMB
 - Mykad
- iv. Orang Kurang Upaya (OKU)
 - Kad pendaftaran OKU dari Jabatan Kebajikan Masyarakat
 - Mykad
- v. Anggota Tentera / Polis dan pasangan / anak berumur 18 tahun dan ke bawah
 - Kad pengenalan tentera/polis
 - Mykad/Mykid (pasangan dan anak)
- vi. Anggota Bomba
 - Kad kuasa
 - Mykad
- vii. Bekas Tentera
 - Kad bekas tentera
 - Mykad
- viii. Pelajar (ETS & KTM Intercity)
 - Surat pengesahan (18 tahun dan ke atas), rujuk **Lampiran 3: Borang Pengesahan Pelajar**.
 - Mykad.(bawah 18 tahun)

3.3.3 Pengesahan dokumen dan kelulusan pendaftaran koneksi dalam tempoh tiga hari bekerja, tertakluk kepada pindaan tanpa notis awal.

3.3.4 Pendaftaran koneksi akan ditolak atau ditamatkan tanpa notis awal;

- i. Tidak mematuhi terma dan syarat koneksi
- ii. Tiada lampiran dokumen
- iii. Maklumat pemohon salah
- iv. Tiket koneksi digunakan oleh penumpang lain

3.3.5 Pendaftaran koneksi untuk warga emas atau orang kurang upaya boleh dibuat di kaunter tiket, tertakluk kepada terma dan syarat.

4. Pemeriksaan Tiket

4.1 Tiket tidak boleh dipindah-milik.

4.2 Tiket hanya sah untuk penumpang yang nama dan nombor mykad/passport dinyatakan pada tiket dan dalam senarai penumpang.

4.3 Penumpang mesti mengemukakan tiket, mykad/passport dan apa-apa dokumen diperlukan semasa pemeriksaan.

4.4 Tertakluk kepada Akta Pengangkutan Awam Darat 2010, penalti RM100 dan tambang tiket akan dikenakan, jika penumpang

- i. Membuat perjalanan tanpa tiket, atau
- ii. Membuat perjalanan dengan tiket tidak sah.

- 4.5 Tiket tidak sah:
- Nama dan nombor IC/passport penumpang tiada dicatat pada tiket atau dalam senarai penumpang.
 - Penumpang dewasa membuat perjalanan dengan tiket kanak-kanak.
 - Penumpang membuat perjalanan melebihi stesen destinasi yang dicatat pada tiket.
 - Pindaan secara tidak sah pada tiket.
 - Tiket telah dibatalkan.

- 4.6 Rujuk 4.4,
- Penalti dan tambang tiket mesti dibayar serta-merta, atau
 - Penumpang perlu turun dari tren di stesen berikutnya jika gagal membayar jumlah tersebut.

5. Pembatalan Tiket dan Pemulangan Tambang

- 5.1 Terma dan syarat pembatalan tiket dan pemulangan tambang tiket:
- Pembatalan tiket kurang dari 2 jam sebelum tren berlepas; tiada pemulangan tambang tiket.
 - Pembatalan tiket 2 jam hingga 72 jam sebelum tren berlepas; pemulangan tambang tiket 50%.
 - Pembatalan tiket melebihi 72 jam sebelum tren berlepas; pemulangan tambang tiket 75%.
 - Tiada pemulangan caj perkhidmatan, caj pentadbiran atau pelan takaful.
- 5.2 Prosedur pembatalan:
- Dalam talian
 - Login melalui laman sesawang KTMB atau KTMB Mobile Mobile atau KITS Style apps
 - Pilih tiket untuk pembatalan.
 - Kaunter Tiket
 - Tiket bercetak
 - Mykad atau pasport asal
 - Nombor PNR
- 5.3 Pemulangan tambang melalui KTMB Wallet.

6. Gangguan Perkhidmatan Tren

- 6.1 Perkhidmatan tren dibatalkan
- Pemulangan tambang penuh jika pengangkutan alternatif tidak disediakan oleh KTMB.
 - Pembatalan tiket mesti dilakukan dalam tempoh tujuh hari dari tarikh perjalanan.
 - Prosedur pembatalan rujuk 5.2 dan 5.3.
- 6.2 Waktu tren berlepas lewat melebihi dua jam;
- Pemulangan tambang penuh jika penumpang membatalkan perjalanan.
 - Pembatalan tiket mesti dibuat di kaunter tiket sebelum waktu tren berlepas.
 - Prosedur pembatalan rujuk 5.2 (ii) dan 5.3
- 6.3 Rujuk 6.1 dan 6.2, pemulangan tambang penuh tiket perjalanan balik atau tiket sambungan tren jika tidak digunakan
- Pembatalan tiket mesti dibuat di kaunter tiket.
 - Prosedur pembatalan rujuk 5.2 (ii) dan 5.3.
- 6.4 Tiada gantirugi disebabkan pembatalan tren atau kelewatan waktu berlepas dan ketibaan tren.

7. Pindaan Tiket

- 7.1 Pindaan nama, nombor mykad/passport penumpang, tarikh perjalanan, waktu berlepas, jenis koc, label koc, nombor tempat duduk, jenis tiket, kelas, stesen origin dan destinasi tidak dibenarkan.
- 7.2 Jika terdapat kesilapan ejaan nama atau nombor mykad/passport penumpang ETS dan KTM Intercity
- Sila ke kaunter tiket 24 jam sebelum tren berlepas (tertakluk waktu operasi kaunter tiket), dan
 - Kemukakan tiket bercetak dan salinan mykad/passport penumpang
- 7.3 Pembedulan nama atau nombor passport penumpang Shuttle Tebrau tidak dibenarkan

8. Butiran Tiket

- 8.1 Pelanggan mesti memastikan maklumat penumpang dan butiran perjalanan adalah betul sebelum meninggalkan kaunter tiket atau semasa pembelian tiket secara dalam talian atau di kiosk tiket KTMB.
- 8.2 Sekiranya terdapat kesilapan tiket selepas pembelian tiket, pembatalan tiket adalah tertakluk kepada terma dan syarat,

9. Cetak-semula Tiket di Kaunter Tiket

- 9.1 Rujuk kaunter tiket minima satu jam sebelum tren berlepas (tertakluk waktu operasi kaunter tiket).
- 9.2 KTMB berhak menolak permohonan cetak-semula tiket;
- Pelanggan tidak mengemukakan salinan mykad/passport penumpang
 - Permohonan kurang dari satu jam sebelum tren berlepas
 - Kegagalan sistem atau gangguan teknikal.

10. Lain-lain

- 10.1 KTMB berhak menukar tempat duduk penumpang atau menjadualkan semula tren atau membatalkan perkhidmatan tren disebabkan masalah teknikal, kegagalan sistem, gangguan operasi, prosedur keselamatan atau bencana alam tanpa apa-apa liabiliti kepada KTMB untuk bayaran pampasan kepada penumpang terlibat.
- 10.2 Penumpang menaiki KTM Intercity (Shuttle Timur) dari perhentian atau stesen yang tiada perkhidmatan kaunter tiket dibenarkan membeli tiket di dalam tren.
 - a) Jika nombor tempat duduk tiada dicatat pada tiket, penumpang dibenarkan duduk di tempat yang kosong, dan
 - b) Segera mengosongkan tempat duduk untuk penumpang yang mempunyai tiket tempat duduk tersebut.
- 10.3 Penumpang ETS dan KTM Intercity mesti mengimbas QR tiket di pintu pelepasan dan ketibaan. Pintu pelepasan ditutup lima minit sebelum tren berlepas. Penumpang tidak dibenarkan memasuki ruang pelepasan dan tiada pemulangan tambang tiket jika pintu pelepasan telah ditutup
- 10.4 Penumpang Shuttle Tebrau mesti mengimbas *barcode* pasport asal di pintu pelepasan;
 - a) Pintu pelepasan JB Sentral ditutup 10 minit sebelum waktu berlepas.
 - b) Pintu pelepasan Woodlands ditutup 20 puluh minit sebelum waktu berlepas.
- 10.5 Penumpang Shuttle Tebrau tidak dibenarkan memasuki ruang pelepasan dan tiada pemulangan tambang tiket jika pintu pelepasan telah ditutup atau passport telah tamat tempoh.
- 10.6 Penumpang Shuttle Tebrau mesti memasukkan nombor passport yang betul semasa pembelian tiket dan passport masih sah pada tarikh perjalanan.
- 10.7 Penumpang Shuttle Tebrau di bawah umur 4 tahun boleh menaiki tren tanpa tiket dan mesti didaftarkan di kaunter JB Sentral atau Woodlands, sekurang-kurangnya 2 jam sebelum tren berlepas (tertakluk waktu operasi kaunter tiket).
- 10.8 Tambang warganegara Malaysia untuk Shuttle Tebrau adalah tertakluk kepada terma dan syarat, rujuk kaunter tiket KTMB atau Unit Khidmat Pelanggan untuk maklumat lanjut.
- 10.9 Tambah-nilai KTM Wallet melalui laman sesawang rasmi KTMB atau aplikasi KTMB Mobile sahaja. KTM Wallet tidak boleh ditukar dalam bentuk tunai atau dipindahkan ke mana-mana akaun bank atau akaun KTM Wallet yang lain.
- 10.10 Permohonan menukar alamat e-mel, no. IC dan passport atau menamatkan akaun KITS melalui e-mel ke callcenter@ktmb.com.my, **Lampiran 4: Alamat E-mel, No. IC & Passport** dan **Lampiran 5: Permohonan Untuk Penamatan Akaun KITS**.
- 10.11 Dilarang di stesen dan di dalam tren:
 - a) Membawa haiwan
 - b) Barang-barang yang boleh menyebabkan ketidakselesaan kepada penumpang lain
 - c) Makanan atau buah-buahan yang berbau kuat
 - d) Meninggalkan bagasi tanpa seliaan
 - e) Semua jenis basikal seperti skuter, basikal biasa, basikal lipat, *micromobility vehicles* atau apa-apa bahagian basikal, termasuk di dalam beg atau kotak
 - f) Menghisap rokok dan rokok elektronik
 - g) Melekat gula-gula getah
 - h) Berlegar atau tidur kecuali bagi koc keretapi yang dibenarkan
 - i) Makan dan minum kecuali di kawasan yang ditetapkan
 - j) Membawa atau minum minuman beralkohol atau seumpunya yang boleh memabukkan
 - k) Bermain alat muzik tanpa kebenaran
 - l) Bersikap tidak sopan
 - m) Memasuki atau meninggalkan koc keretapi secara tidak teratur
 - n) Menceroboh premis dan kereta api KTMB
 - o) Kecuaian
 - p) Mabuk
 - q) Meminta sedekah dan mengutip derma tanpa kebenaran
 - r) Menjual barang atau perkhidmatan tanpa kebenaran
 - s) Penipuan atau percubaan untuk menipu
 - t) Mencederakan atau cuba mencederakan orang yang melakukan perjalanan dengan keretapi
 - u) Vandalisme
 - v) Membiarkan kanak-kanak di bawah jagaan tanpa seliaan
 - w) Membuat bising, bergaduh atau menimbulkan pergaduhan
 - x) Barang atau bahan larangan di bawah undang-undang Malaysia;
 - i. Akta Dadah Berbahaya 1952
 - ii. Akta Racun 1952
 - iii. Akta Letupan 1957
 - iv. Akta Bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Serangan 1958
- 10.12 Rujuk 10.11, penumpang tidak dibenarkan menaiki tren atau meneruskan perjalanan bersama haiwan atau barang larangan dan tiada pemulangan tambang tiket.
- 10.13 Pemindahan KTM Wallet ke akaun bank bagi warga asing kecuali warganegara Singapura. Caj perbankan akan dikenakan kepada pemegang akaun. E-mel ke callcenter@ktmb.com.my untuk maklumat lanjut.

-
- 10.14 KTMB menawarkan Pelan Takaful untuk faedah perlindungan tambahan., rujuk *Soalan Lazim* di laman sesawang KTMB atau aplikasi KTMB Mobile.
 - 10.15 KTMB menawarkan pra-tempahan makanan untuk tren-tren tertentu, rujuk *Soalan Lazim* serta terma dan syarat di laman sesawang KTMB atau aplikasi KTMB Mobile.
 - 10.16 KTMB adalah agen sah untuk penjualan tiket Express Rail Link (ERL), rujuk *Soalan Lazim* yang dipaparkan di laman sesawang KTMB untuk maklumat lanjut.
 - 10.17 Bungkusan yang dibenarkan untuk dibawa ke dalam tren akan dikenakan caj, rujuk **Lampiran 6: Caj Bungkusan**.
 - 10.18 Perkhidmatan tempahan tiket adalah tertakluk kepada terma dan syarat, rujuk **Lampiran 7: Tempahan Tiket**
 - 10.19 Pengesahan warganegara Malaysia di kaunter tiket atau kiosk tiket (imbas mykad).
 - 10.20 *Ruby Lounge* untuk penumpang Kelas Perniagaan sahaja, tertakluk kepada terma dan syarat.
 - 10.21 Tempat duduk khas orang kurang upaya dalam koc ETS dan KTM Intercity untuk penumpang kurang upaya berkerusi roda yang berdaftar (tertakluk kepada pindaan tanpa notis awal).
 - 10.22 Penumpang menggunakan kerusi roda perlu memaklumkan kakitangan KTMB di stesen berlepas untuk bantuan.
 - 10.23 Tiada tempahan tempat duduk untuk pemegang pas bermusim (Myraillife).
 - 10.24 Laluan tren ETS, KTM Intercity dan Shuttle Tebrau adalah seperti **Lampiran 8: Laluan Tren**.
 - 10.25 Terma dan syarat ini tertakluk kepada pindaan tanpa notis awal.
 - 10.26 Sila hubungi Unit Khidmat Pelanggan di 03-97791200 atau e-mel ke callcenter@ktmb.com.my atau ke kaunter tiket KTMB untuk maklumat lanjut.
 - i. Pendaftaran KITS Ticketing
 - ii. Pendaftaran konsesi
 - iii. Pendaftaran E-Invoice

Lampiran 1:
Perjalanan Minima

Laluan Tren	Perkhidmatan Tren	Dari	Ke
KL Sentral – Butterworth – KL Sentral	Express	KL Sentral	Taiping
		Taiping	KL Sentral
KL Sentral – Padang Besar – KL Sentral	Express	KL Sentral	Taiping
		Taiping	KL Sentral
KL Sentral – Butterworth – KL Sentral	Platinum	KL Sentral	Kuala Kangsar
		Kuala Kangsar	KL Sentral
KL Sentral – Padang Besar – KL Sentral	Platinum	KL Sentral	Kuala Kangsar
		Kuala Kangsar	KL Sentral
Segamat – Butterworth – Segamat	Gold	KL Sentral	Kuala Kangsar
		Kuala Kangsar	KL Sentral
Segamat – Padang Besar - Segamat	Gold	KL Sentral	Kuala Kangsar
		Kuala Kangsar	KL Sentral
Kluang – KL Sentral - Kluang	Platinum	KL Sentral	Segamat
		Kluang	Gemas
JB Sentral – Tumpat – JB Sentral	Kelas Dua Tempat Tidur	JB Sentral	Kuala Krau
		Tumpat	Kuala Krau

Nota:

- Pembelian tiket kurang dari perjalanan minima dibenarkan dalam tempoh 24 jam sebelum tren berlepas
- Tertakluk kepada pindaan tanpa notis awal.

Lampiran 2:

Tiket Konsesi.

Jenis Konsesi	Jenis Kelas / Koc	Kadar Konsesi
Wargamas	Semua kelas/koc kecuali Kelas Perniagaan	50%
	Kelas Perniagaan	20%
Orang Kurang Upaya	Semua kelas/koc kecuali Kelas Perniagaan	50%
	Kelas Perniagaan	20%
Pesara Kerajaan	Semua kelas/koc kecuali Kelas Perniagaan	50%
	Kelas Perniagaan	20%
Pelajar (i-Card)	Semua kelas/koc kecuali Kelas Perniagaan	40%
	Kelas Perniagaan	Tiada Konsesi
Tentera, Polis & Bomba	Semua kelas/koc kecuali Kelas Perniagaan	25%
	Kelas Perniagaan	Tiada Konsesi
Bekas Tentera/Polis	Semua kelas/koc kecuali Kelas Perniagaan	25%
	Kelas Perniagaan	Tiada Konsesi
Kanak-kanak	Semua kelas/koc kecuali Kelas Perniagaan	50%
	Kelas Perniagaan	20%

Nota:

- Konsesi tidak termasuk caj tempat duduk dan tempat tidur atau makanan atau lain-lain caj atau yuran pentadbiran.
- Tertakluk kepada pindaan tanpa notis awal.



Lampiran 3:

BORANG PENGESAHAN PELAJAR

(NAMA & ALAMAT SEKOLAH / INSTITUT / KOLEJ / UNIVERSITI)

.....

.....

.....

.....

(MAKLUMAT PELAJAR)

Nama :

No. IC / Mykad :

Saya mengesahkan bahawa pelajar yang dinyatakan seperti di atas adalah pelajar di sekolah / institut / kolej / universiti ini.

- Tempoh pengajian :tahun
- Mula Pengajian :(bulan & tahun)
- Jangkaan Tamat :(bulan & tahun)

Terima kasih,

Disahkan oleh:

Tandatangan :

Nama pegawai :

Jawatan :

No. Telefon :

Tarikh :

Cop Rasmi
Sekolah / Institut / Kolej /
Universiti



Lampiran 5:

Permohonan Untuk Penamatan Akaun KITS

PERMOHONAN UNTUK PENAMATAN AKAUN KITS APPLICATION FOR TERMINATION OF KITS ACCOUNT	
Name <i>Name</i>	
No. IC / Pasport <i>IC / Pasport No.</i>	
No. PNR	
KTM Wallet (RM)	
Sebab Penamatan <i>Reason for Termination</i>	
<p>Saya dengan ini mengakui dan bersetuju menamatkan akaun KITS saya dan tidak menuntut KTM Wallet. <i>I hereby acknowledge and agree to terminate my KITS account and KTM Wallet is not claimable.</i></p>	
<p>.....</p> <p>Nama/ <i>Name</i>: No. IC/ <i>IC No.</i> Tarikh/ <i>Date</i>:</p>	<p>Disahkan oleh / <i>Verified by</i>:</p> <p>.....</p> <p>Nama/ <i>Name</i>: ID Kakitangan/ <i>Staff ID</i>: Tarikh/ <i>Date</i>:</p>
KELULUSAN APPROVAL	
No. PNR	
KTM Wallet (RM)	
Catatan	
<p>Disemak oleh:</p> <p>.....</p> <p>Nama: Tarikh:</p> <p>Tarikh emel ke NSS IT :</p> <p>Tarikh kosongkan KTM Wallet :</p> <p>Tarikh tamatkan akaun KITS:.....</p>	<p>Diluluskan oleh:</p> <p>.....</p> <p>(Ketua Jabatan/ Ketua Unit)</p> <p>Nama: Tarikh:</p>

Nota:

- Lampirkan gambar mykad/passport
- Proses penamatan dalam tempoh 5 hari bekerja dari tarikh kelulusan

Lampiran 6:

Caj Bungkus

Distance (KM)	(KG)				
	10	20	30	40	60
15	2.60	3.50	4.70	6.50	9.20
30	2.60	3.50	4.70	6.50	9.20
45	3.50	5.30	6.80	9.40	13.00
60	3.50	5.30	6.80	9.40	13.00
75	3.50	5.30	6.80	9.40	13.00
90	4.60	6.80	8.90	12.50	15.50
120	4.60	6.80	8.90	12.50	15.50
150	5.70	8.40	11.10	14.00	16.40
180	5.70	8.40	11.10	14.10	16.60
210	6.90	10.10	13.40	15.50	17.10
240	6.90	10.10	13.40	15.80	17.60
270	6.90	10.10	13.40	15.80	17.70
300	6.90	10.10	13.40	16.10	18.30
350	8.00	11.80	14.70	16.60	18.60
400	8.00	11.80	14.80	17.10	19.20
450	8.00	11.80	14.90	17.60	19.80
500	8.90	13.20	15.90	17.90	20.40
550	8.90	13.20	16.10	18.30	20.80
600	8.90	13.20	16.20	18.50	21.50
650	10.60	14.70	17.00	19.10	22.10
700	11.10	15.20	17.20	19.50	22.70
800	12.20	16.10	17.80	20.40	23.80

Nota:

- Tertakluk pindaan tanpa notis awal

Lampiran 7:**Tempahan Tiket****1. Terma dan Syarat**

- 1.1 Pemohon mesti mendaftar akaun KITS di laman sesawang KTMB.
- 1.2 Borang tempahan tiket mesti dihantar sekurang-kurangnya 30 hari sebelum tarikh perjalanan.
- 1.3 Tempahan tiket adalah untuk tarikh perjalanan yang telah dibuka jualan sahaja
- 1.4 Tempahan tiket untuk perkhidmatan tren ETS dan KTM Intercity.
- 1.5 Tempahan tiket untuk perkhidmatan tren Shuttle Tebrau atau tren khas tidak dibenarkan.
- 1.6 Tempahan minima 9 tiket dan maksima 80 tiket bagi setiap tren, tertakluk kepada pindaan tanpa notis.
- 1.7 Tempahan tiket untuk dewasa, kanak-kanak dan penumpang konsesi yang telah mendaftar sahaja.
- 1.8 Caj pentadbiran
 - a) RM1.00 per tiket
 - b) Bayaran melalui KTM Wallet atau apa-apa kaedah bayaran yang dibenarkan oleh KTMB.
 - c) Tiada pemulangan bayaran caj pentadbiran atas apa juga sebab.
 - d) Caj pentadbiran tertakluk kepada pindaan tanpa notis awal.
- 1.9 KTMB tidak akan bertanggungjawab jika berlaku gangguan sistem atau lain-lain yang menyebabkan:
 - a) KTMB tidak menerima borang permohonan tempahan yang dihantar melalui e-mel, atau
 - b) KTMB tidak menerima butiran tempahan melalui KITS online, atau
 - c) Tempahan yang berjaya telah dibatalkan secara automatik.
- 1.10 Tempahan tiket untuk tarikh perjalanan semasa musim perayaan tidak dibenarkan.
- 1.11 KTMB berhak menolak tempahan tiket yang tidak mematuhi terma dan syarat atau apa-apa sebab yang lain.
- 1.12 Pindaan tidak dibenarkan untuk tempahan yang telah diluluskan samada jumlah tiket, tarikh perjalanan, stesen origin dan destinasi atau jenis tiket dewasa, kanak-kanak atau konsesi.

2. Prosedur Tempahan

- 2.1 Pemohon menyerahkan borang tempahan kepada KTMB,
 - a) E-mel ke tempahankhas@ktmb.com.my , atau
 - b) Jabatan Perkhidmatan ETS dan Antarabandar, KL Sentral.
- 2.2 KTMB memberi maklumbalas dalam 3 hari bekerja dan mengaktifkan akaun KITS, jika mematuhi terma dan syarat.
- 2.3 Pemohon login akaun KITS di laman sesawang KTMB dan masukkan butiran tempahan dalam 3 hari bekerja.
- 2.4 Tempahan tempat duduk/tidur oleh KTMB tertakluk kepada kekosongan.
- 2.5 Pemohon akan menerima e-mel notifikasi "**KITS Special Booking – Pending Fee Payment**" (jika tempahan berjaya).
- 2.6 Pemohon login akaun KITS di laman sesawang KTMB untuk bayaran tambang tiket.
- 2.7 Pemohon mesti memastikan butiran penumpang adalah betul.

3. Bayaran Tambang Tiket

- 3.1 Bayaran tambang tiket mesti dibuat dalam tempoh tujuh (7) hari.
- 3.2 Bayaran melalui KTM Wallet atau apa-apa kaedah yang dibenarkan oleh KTMB
- 3.3 Tempoh pembayaran 12.15 pagi hingga 11.00 malam.
- 3.4 Pastikan baki KTM Wallet atau apa-apa mod bayaran mencukupi sebelum membuat bayaran tambang tiket.
- 3.5 KTMB tidak bertanggungjawab jika tempahan tiket terbatal disebabkan kesilapan pemohon semasa proses bayaran.

4. Lain-lain

- 4.1 Terma dan syarat tertakluk kepada pindaan tanpa notis awal.
- 4.2 Tiket yang dibeli tertakluk kepada:
 - a) Syarat-syarat Pengangkutan Untuk Penumpang KTMB.
 - b) Terma dan Syarat Tiket ETS, KTM Intercity dan Shuttle Tebrau
- 4.3 Jadual waktu tren dan tambang tiket boleh semak di laman sesawang KTMB atau kaunter tiket KTMB.
- 4.4 Hubungi Unit Khidmat Pelanggan di 03-97791200 atau e-mel ke callcenter@ktmb.com.my untuk maklumat lanjut:
 - a) Pendaftaran KITS
 - b) KTM Wallet
 - c) Pendaftaran konsesi



TEMPAHAN TIKET														
1.	Tarikh Permohonan													
2.	Nama													
3.	E-mel													
4.	No. Telefon													
5.	PNR / No.IC													
6.	KTM Wallet (RM)													
7.	Tarikh Perjalanan													
8.	Origin & Destinasi													
9.	Jumlah Tiket													
10.	No. Tren													
11.	Jenis Koc / Kelas													
12.	Catatan													
KEGUNAAN PEJABAT KTMB														
1.	Nama Kakitangan													
2.	Tarikh Borang Diterima													
3.	Kaedah Permohonan	<input type="checkbox"/>	E-mel					<input type="checkbox"/>	Serahan Tangan					
4.	Tarikh PNR <i>active & in-active</i>													
5.	Status Tempahan Tiket	<input type="checkbox"/> Berjaya			<input type="checkbox"/> Tidak Berjaya									
6.	ID Tempahan													
7.	Tarikh Tamat Tempahan													
Catatan:														
Nota:														
a) Pelanggan mesti mendaftar akaun KITS sebelum menghantar tempahan tiket.														
b) Nama, e-mel, nombor telefon dan KTM Wallet merujuk kepada akaun KITS pemohon.														
c) Sila pastikan KTM Wallet mencukupi untuk pembayaran caj pentadbiran														
d) Borang tempahan hendaklah dihantar sekurang-kurangnya 30 hari sebelum tarikh berlepas.														
e) Sila serahkan borang tempahan berasingan untuk tarikh perjalanan atau stesen origin dan destinasi yang berbeza.														
f) Tempahan minima 9 tiket dan maksima 80 tiket setiap tren.														
g) Sila kemas kini butiran tempahan melalui akaun KITS di laman web KTMB.														
h) Sila pastikan bilangan tiket dan jenis tiket adalah betul (Catatan – bilangan dewasa / kanak-kanak / konsesi).														
i) Sila pastikan penumpang konsesi telah didaftarkan sebelum menghantar borang tempahan.														
j) Tempahan tiket tertakluk kepada kekosongan tempat duduk.														
k) KTMB berhak menolak tempahan yang tidak mematuhi terma dan syarat atau sebab-sebab lain tanpa notis awal.														
l) Tidak dibenarkan menjual semula tiket tren dalam mana-mana medium atau platform dan tindakan undang-undang akan diambil tertakluk kepada Akta 715, Akta Pengangkutan Awam Darat 2010.														
m) Hubungi Unit Khidmat Pelanggan di talian 03-97791200 atau e-mel ke callcenter@ktmb.com.my untuk maklumat tren.														

Lampiran 8:
Laluan Tren
1. ETS

Laluan Tren	Jenis Perkhidmatan
Segamat – Butterworth – Segamat	ETS Gold
Segamat – Padang Besar – Segamat	
KL Sentral – Butterworth – KL Sentral	ETS Express ETS Platinum
KL Sentral – Padang Besar – KL Sentral	
Kluang – KL Sentral _ Kluang	
KL Sentral – Ipoh – KL Sentral	ETS Express ETS Gold ETS Silver

2. KTM Intercity

Laluan Tren	Jenis Perkhidmatan
JB Sentral – Gemas – JB Sentral	Ekspres Selatan
JB Sentral – Tumpat – JB Sentral	Ekspres Rakyat Timuran
Tumpat – Gua Musang - Tumpat	Shuttle Timuran
Tumpat – Dabong – Tumpat	
Tumpat – Kuala Lipis – Tumpat	
Kuala Lipis – Gemas – Kuala Lipis	

3. Shuttle Tebrau

Laluan Tren	Jenis Perkhidmatan
Woodlands – JB Sentral	Shuttle Tebrau
JB Sentral – Woodlands	

Nota:

- Tertakluk pindaan tanpa notis awal.